



(tarikh)  
(date)  
P.U. (A)

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *SERI PADUKA BAGINDA DITERBITKAN DENGAN KUASA*

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(JAWATANKUASA PEMILIH DAN PIHAK BERKUASA MELANTIK) 2018



DISIARKAN  
OLEH/*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S*  
*CHAMBERS*

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**  
**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**(JAWATANKUASA PEMILIH DAN PIHAK BERKUASA MELANTIK) 2018**

---

SUSUNAN SEKSYEN - SEKSYEN

---

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Nama dan permulaan kuatkuasa

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA PEMILIH

2. Keanggotaan Jawatankuasa
3. Setiausaha

Seksyen

4. Perlantikan pakar luar
5. Laporan penilaian pakar luar
6. Mengundang menghadiri mesyuarat
7. Kuorum mesyuarat

BAHAGIAN III

PIHAK BERKUASA MELANTIK

8. Pelantikan dan kenaikan pangkat

BAHAGIAN IV

RAYUAN

9. Rayuan berhubung pelantikan dan kenaikan pangkat

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**(JAWATANKUASA PEMILIH DAN PIHAK BERKUASA MELANTIK) 2018**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah [*P.U.(A) 460/2010*], Canselor membuat statut berikut:

**Nama dan permulaan kuatkuasa**

1. (1) Statut ini bolehlah dinamakan **Statut Universiti Malaysia Sabah (Jawatankuasa Pemilihan dan Pihak Berkuasa Melantik) 2018**.

(2) Statut ini disifatkan berkuatkuasa pada .....

**Keanggotaan Jawatankuasa**

2. (1) Keanggotaan Jawatankuasa bagi maksud pelantikan ke sesuatu kursi dan pelantikan atau kenaikan pangkat ke jawatan profesor kanan dan profesor hendaklah terdiri daripada—

(a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengerusi;

(b) dua ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga;

(c) Dekan Fakulti atau ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang baginya kursi itu atau jawatan profesor kanan atau profesor diuntukkan; dan

(d) dua ahli Senat yang dilantik oleh Senat.

(2) Keahlian Jawatankuasa bagi maksud pelantikan atau kenaikan pangkat ke jawatan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah terdiri daripada—

(a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengerusi;

(b) dua ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga; dan

(c) dua ahli Senat yang dilantik oleh Senat.

(3) Keahlian Jawatankuasa bagi maksud pelantikan dan kenaikan pangkat ke jawatan guru selain daripada jawatan profesor kanan, profesor atau yang bersamaan dengannya di bawah mana-mana skim perkhidmatan yang diterima pakai oleh Universiti, hendaklah terdiri daripada ahli yang berikut yang dilantik oleh Lembaga—

(a) Timbalan Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengerusi;

(b) dua ahli Senat yang dilantik oleh Senat; dan

(c) Dekan Fakulti atau ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang baginya jawatan itu diuntukkan.

(4) Keahlian Jawatankuasa bagi maksud pelantikan dan kenaikan pangkat pekerja Universiti dalam kumpulan pengurusan dan profesional hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut yang dilantik oleh Lembaga —

(a) Pendaftar yang hendaklah menjadi Pengerusi;

(b) dua orang pegawai kanan Universiti; dan

(c) Ketua bagi setiap Pusat Tanggungjawab yang baginya jawatan itu diuntukkan.

(5) Keahlian Jawatankuasa bagi maksud pelantikan dan kenaikan pangkat pekerja Universiti dalam kumpulan sokongan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut yang dilantik oleh Lembaga —

(a) Pendaftar atau wakilnya yang hendaklah menjadi Pengerusi; dan

(b) tiga orang pegawai Universiti.

### **Setiausaha**

3. Pengerusi hendaklah melantik seorang Setiausaha dari kalangan pegawai Universiti.

### **Perlantikan Pakar Luar**

4. (1) Dekan Fakulti atau ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut hendaklah mencadangkan nama pakar luar kepada Bahagian Sumber Manusia.

(2) Perlantikan pakar luar hendaklah dibuat oleh Bahagian Sumber Manusia.

### **Laporan penilaian pakar luar**

5. (1) Bagi maksud pelantikan ke kursi, dan pelantikan dan kenaikan pangkat ke jawatan profesor kanan dan profesor, Jawatankuasa hendaklah menimbang laporan penilaian daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pakar luar.

(2) Bagi maksud pelantikan dan kenaikan pangkat ke jawatan *reader* dan profesor madya, Jawatankuasa hendaklah menimbang laporan penilaian daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang pakar luar.

(3) Senarai calon yang layak berserta kenyataan kelayakan calon itu hendaklah diberikan kepada pakar luar itu.

(4) Senarai calon itu boleh juga mengandungi nama orang yang tidak memohon jawatan itu tetapi yang difikirkan layak oleh Pihak Berkuasa Universiti untuk dipertimbangkan.

(5) Jawatankuasa tidak boleh membuat apa-apa pemilihan sehingga ia telah menerima dan mempertimbangkan laporan mengenai calon itu daripada pakar luar itu.

### **Mengundang menghadiri mesyuarat**

6. Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat bagi menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak mengundi.

### **Korum mesyuarat**

7. Korum bagi mesyuarat semua Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada Pengerusi dan tiga (3) orang anggota Jawatankuasa.

### **Pelantikan dan kenaikan pangkat**

8. (1) Pelantikan ke suatu jawatan kursi, dan pelantikan dan kenaikan pangkat bagi jawatan profesor kanan, profesor, Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah dibuat oleh Lembaga atas nasihat Jawatankuasa yang berkenaan.

(2) Pelantikan dan kenaikan pangkat bagi jawatan guru selain daripada profesor kanan dan profesor hendaklah dibuat oleh Naib Canselor atas nasihat Jawatankuasa yang berkenaan.

(3) Pelantikan dan kenaikan pangkat bagi pekerja Universiti selain daripada yang disebut di subseksyen (1) dan (2) hendaklah dibuat oleh Pendaftar atas nasihat Jawatankuasa yang berkenaan.

(4) Surat cara pelantikan dan kenaikan pangkat yang dibuat di bawah Statut ini hendaklah ditandatangani oleh Pendaftar bagi pihak Universiti.



**Rayuan berhubung pelantikan dan kenaikan pangkat**

9. (1) Mana-mana pekerja Universiti yang terkilang dengan perjalanan kuasa melantik dan menaikkan pangkat bolehlah merayu kepada Lembaga.

(2) Apa-apa rayuan yang dibuat hendaklah dinyatakan dengan jelas alasan rayuan itu dan dikemukakan kepada Lembaga untuk pertimbangan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh keputusan pelantikan atau kenaikan pangkat itu disampaikan kepada pekerja itu.

**Kesahan**

10. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Jawatankuasa yang menjalankan tugasnya yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat .....

TYT Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar Bin Datuk Haji Mahiruddin

*Canselor Universiti Malaysia Sabah*